



**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA  
PERASMIAN KUARTERS RUMAH SERI KENANGAN BEDONG,  
KEDAH**

**21 APRIL 2016 (KHAMIS)  
10.00 PAGI  
KUARTERS RUMAH SERI KENANGAN BEDONG,  
KEDAH**

Assalamu'alaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah dan berkat kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari yang berbahagia ini dalam Majlis Perasmian Kwarters Rumah Seri Kenangan Bedong.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah, Menteri Besar Kedah kerana telah sudi meluangkan masa bersama-sama kita dalam majlis ini dan seterusnya merasmikan Kwarters Rumah Seri Kenangan Bedong. Sesungguhnya kami merasa amat bertuah kerana dalam keadaan jadual yang padat tetapi YAB Dato' Seri masih sudi untuk meluangkan masa untuk hadir dalam majlis pada hari ini.

### **Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab serta peka terhadap keperluan dan kebajikan rakyat, Kerajaan sentiasa berusaha memberikan yang terbaik kepada rakyat. Justeru itu, di bawah Projek Khas Pembaikan Kwarters pada tahun 2013, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk pembinaan semula kuarters institusi kebajikan dan jumlah tersebut dapat menampung sebanyak 5 buah institusi.

4. Untuk makluman YAB Dato' Seri , kuarters Rumah Seri Kenangan Bedong ini mengandungi sebuah rumah Penguasa dan 36 unit rumah bersaiz 1100 kaki persegi setiap satu dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik mandi. Kuarters ini telah dapat disiapkan dalam tempoh 18 bulan mengikut jadual pembinaan dan kuarters yang pertama siap dalam projek RMK-10 dengan peruntukan sebanyak RM21.6 juta.
  
5. Projek Pembinaan Kuarters ini adalah berdasarkan kepada perancangan pembinaan kuarters baharu yang selaras dengan keperluan asas kuarters yang mempunyai komponen yang penting seperti surau, padang permainan dan tempat letak kereta. Semuanya ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan perumahan dan persekitaran yang selesa bagi kakitangan Kerajaan. Semoga kemudahan perumahan yang disediakan ini akan dapat meningkatkan lagi produktiviti serta menjadikan tenaga kerja jabatan lebih berdedikasi, komited dan efisien.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

6. Dalam aspek pembangunan infrastruktur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat akan meneruskan usaha-usaha bagi mempertingkatkan pembangunan keseluruhan agensi di bawah Kementerian khususnya yang berkaitan dengan kebajikan kakitangan. Dalam *Rolling Plan* Pertama RMK-11 sebanyak empat (4) buah institusi lagi akan terlibat dalam pembinaan semula kuarters iaitu:

- i) Kwarters Desa Bina Diri Mersing (kos projek sebanyak RM24.5 juta)
- ii) Kwarters Rumah Seri Kenangan Taiping (kos projek sebanyak RM19 juta)
- iii) Kwarters Taman Sinar Puteri Batu Gajah (kos projek sebanyak RM19 juta)
- iv) Kwarters Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah (kos projek sebanyak RM20 juta).

7. Dalam projek pembinaan kuarters pada kali ini, KPWKM juga perihatin kepada keperluan kakitangan OKU. Oleh yang demikian, sebanyak empat (4) unit kuarters telah dinaik taraf untuk kemudahan kakitangan OKU.

8. Selain daripada itu, kemudahan TASKA dan Pusat Sumber juga disediakan untuk memudahkan kakitangan untuk menghantar anak-anak semasa mereka bekerja. Untuk kemudahan ini, KPWKM telah menaiktaraf empat unit kuarters sebagai TASKA dan Pusat Jagaan. Semoga semua kemudahan ini akan memberi manfaat kepada semua kakitangan yang bertugas.

**YAB Dato' Seri, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

9. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah, Menteri Besar Kedah kerana sudi hadir dan seterusnya merasmikan kuarters RSK Bedong. Semoga kerjasama erat yang kita jalinkan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ini akan berterusan demi memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

10. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai dan kakitangan RSK Bedong ini kerana telah memperolehi sebuah kuarters yang baharu dan semoga seluruh kakitangan RSK Bedong ini akan menggunakan kemudahan yang disediakan dengan sebaiknya dan juga akan memberi kerjasama yang sewajarnya dalam penjagaan dan pengurusan kuarters ini.
  
10. Ucapan penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja Majlis Perasmian Kuarters RSK Bedong, semua jabatan dan agensi terlibat yang telah berusaha gigih untuk menjayakan majlis pada pagi ini.

Sekian, Wabillahhi Taufik Walhidayah Assalamualaikum W.B.T